

Kerajaan teruskan usaha bantu rakyat tangani kos sara hidup

Projek tebatan banjir di kawasan berisiko diberi tumpuan walaupun babit kos tinggi

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menyifatkan 2024 sebagai tahun mukadimah dan pembuka kepada agenda pembaharuan nasional untuk negara dengan satu hala tuju jelas untuk membentuk semula Malaysia sebagai peneraju ekonomi rantau Asia.

Pada masa sama, tahun ini, Perdana Menteri berkata usaha akan diteruskan untuk membantu rakyat, khususnya bagi mengawal kos sara hidup menerusi peruntukan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) yang dinaikkan dari RM10 bilion pada tahun lalu kepada RM13 bilion pada 2025 serta penganjuran Program Payung Rahmah, iaitu penjualan barang keperluan pada harga lebih murah.

Beliau berkata, fokus akan turut diberikan kepada projek tebatan banjir di kawasan berisiko tinggi walaupun ia mungkin membabitkan kos yang tinggi.

Katanya, projek tebatan banjir membabitkan perbelanjaan pembangunan negara pada 2025 selain prasarana asas seperti jalan raya, lebuh raya dan bekalan.

Katanya, anjakan baharu bagi negara itu bermula pada 2024, khususnya dalam memenuhi ke-



Anwar bersama sebahagian menteri Kabinet pada Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI.

rangka Ekonomi MADANI yang diluncurkan pada 27 Julai 2023, sebuah sistem ekonomi berteraskan prinsip manusiawi dengan nilai ihsan dan rahmah agar keadilan dapat ditegakkan bagi setiap warga Malaysia.

Katanya, ketika berusaha mencapai hasrat itu, beliau memahami tidak semua keputusan dan kebijakan kerajaan itu popular atau lekas membuahkan hasil.

"Namun, semua ini dilaksanakan dengan tekad politik yang jelas, dengan niat ikhlas serta penilaian yang teliti untuk memastikan dasar tersebut itu memberi manfaat kepada rakyat terbanyak.

"Apa yang lebih mendesak dan mustahak adalah kerangka Ekonomi MADANI yang memberi petunjuk kepada kepemimpinan dan generasi penerus untuk

mempasak sebuah sistem ekonomi berteraskan prinsip manusiawi dengan ihsan, dengan rahmah agar keadilan dapat ditegakkan bagi setiap insan warga Malaysia," katanya dalam perutusan khas sempena tahun baru yang disiarkan secara langsung di televisyen malam tadi.

Jayakan penyasaran subsidi

Anwar berkata, antara usaha dijayakan kerajaan pada 2024 adalah penyasaran subsidi diesel serta tarif elektrik yang digerakkan bertujuan menutup ketirisan sekian lama hasil daripada subsidi pukal yang disalurkan kepada pihak paling kaya serta tiga juta warga asing yang tidak layak.

Selain itu, katanya peruntukan bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rah-

mah (SARA) bagi 2024 ditambah RM10 bilion, jumlah terbesar dalam sejarah.

"Pada tahun hadapan (2025), kerajaan berhasrat untuk menambah peruntukan STR dan SARA sebanyak RM3 bilion atau 30 peratus kepada RM13 bilion keseluruhannya.

Selain menambah jumlah bantuan saban tahun, kerajaan giat mengatasi gejala fenomena kenaikan kos yang ditangani melalui Program Payung Rahmah di seluruh negara.

"Pasukan pemantau digerakkan dengan aktif untuk memerhati, memantau dan mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang mencatut harga sewenang-wenangnya," katanya.

Anwar berkata, keadaan ekonomi semasa harus ditangani dengan bijak kerana ia juga mem-

babitkan apa yang belum diduga, yang berlaku separah ini, iaitu seperti musibah banjir di beberapa negeri mutakhir ini.

Untuk itu katanya, kerajaan sudah memberi jaminan segala usaha akan terus dijalankan di semua negeri bagi memastikan bantuan segera tiba, sementara kerja pemulihan dan bantuan secepat mungkin dapat diselenggara semua agensi pusat dengan kerjasama kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan atau jajahan.

"Operasi kesiapsiagaan sejak awal sudah dirangka secara mampan agar dapat mengelak dari dampak yang buruk dari musibah itu. Kita akan mampu mengharungi dan melindungi lebih banyak nyawa daripada terkorban atau harta benda yang rosak," katanya.